

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri murid-murid masalah pembelajaran dalam kelas inklusif. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di daerah Petaling, Selangor. Secara ringkas, kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek berdasarkan soalan kajian iaitu bentuk pendidikan inklusif yang diamalkan, konsep kendiri sampel kajian di kelas inklusif dan faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri sampel kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mengumpul data dan melibatkan subjek seramai 8 orang, iaitu tiga orang murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti kelas inklusif dan empat orang guru yang mengajar Bahasa Melayu, Matematik, Guru Tingkatan yang juga mengajar Bahasa Inggeris, guru resos dan penyelaras kelas khas.

Dalam kajian ini tiga set instrumen telah digunakan. Instrumen tersebut ialah Borang Soal Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee ( Tennessee Self - Concept Scale ), Borang Soal Selidik Untuk Guru dan Borang Soalan Temubual Bersama Murid secara berstruktur. Di samping itu kajian ini juga mengambil kira pandangan terhadap sampel kajian oleh guru tingkatan, guru resos dan penyelaras kelas khas yang diperolehi melalui temubual secara tidak berstruktur.

Program inklusif yang dijalankan oleh sekolah ini adalah program inklusif mata pelajar terpilih sahaja. Tetapi tanggungjawab pengajaran kelas inklusif di sekolah ini terletak sepenuhnya pada guru kelas biasa. Sebahagian besar masa murid-murid inklusif berada di kelas biasa. Penglibatan guru-guru kelas khas terhadap murid inklusif ini tidak menyeluruh. Guru resos bertindak sebagai guru tuisyen kepada mereka. Murid-murid berasa lebih selesa dan mudah memahami pengajaran guru di kelas biasa berbanding pengajaran guru resos di kelas khas. Mereka berasa bangga dapat belajar di kelas biasa. Guru-guru di kelas biasa dapat menerima kehadiran mereka di kelas biasa dengan baik. Justeru itu, pencapaian akademik mereka sangat membanggakan guru-guru berbanding pencapaian akademik daripada sebahagian murid-murid lain di kelas biasa.

Dapatkan kajian menunjukkan penerimaan guru di kelas biasa yang baik dan pencapaian akademik yang setanding dengan murid-murid kelas biasa mempengaruhi kONSEP KENDIRI sampel kajian. Kajian menunjukkan, konsep kendiri sampel kajian adalah sampel sederhana. ✓

Secara umumnya, pelaksanaan program inklusif di sekolah ini perlu diteruskan supaya lebih ramai murid-murid bermasalah pembelajaran dapat meneruskan pembelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi. Namun begitu, kaedah perlaksanaannya perlu dikaji semula supaya ia dapat diperbaiki bagi membantu semua pihak yang terlibat terutamanya murid-murid bermasalah pembelajaran.

## ABSTRACT

### THE INFLUENCING FACTORS OF SELF CONCEPT AMONG THE LEARNING DISABLE STUDENTS IN AN INCLUSIVE CLASS

This is a case study which studied the factors that influence self-concepts of learning disable student in an inclusive class. This study is done in one of the secondary school in Petaling District in Selangor. The study is devided into 3 parts, according to research question in the form of inclusive class and influence factors of self - concept.

Quantitative and qualitative measurements werw used to collect data which involved 8 subjects, that was 3 students of learning disable in an inclusive class, and 5 teachers which each of them taught Bahasa Melayu, Mathematics, English, who also as a form teacher, the resource teacher and the coordinator of the special class.

Three sets instruments werw used in this study. The instruments are; Tennessee Self - Concept Scale Questionnaire; Teachers Questionnaire and Structured Questionnaire for students. This study was also look into consideration thr ideas and recommendation by the form teachers, resource teacher and the coordinator.

The inclusive program which is done in this school was based on the selected subjects only. The normal teachers was conducted the program in the normal class which also attended by the inclusive students. The special class teacher's did not involved totally in this program. The resource teacher's was only acts as a tutor.

The result showed that the inclusive students are more comfortable and understand better with the lesson taught by the normal teacher compared to the lesson taught by the resource teacher's in the special class. They are proud to be able to study in the normal class and accepted by the students in the normal classes.

The result of this study indicated that the teachers acceptance and the academic achievements of the inclusive students are equal as the normal students and being the factors that influenced the sample. The study showed that the self-concept of the sample is an average.

Generally, the inclusive program in the school should be continuous and offered more students in the learning disable to gain the proper education in the high level learning. Nevertheless the approach of the inclusive program should be reform to help the students and others who involved in the special education program to get benefit.